

HISAB DIRI SETIAP HARI PERBAIKI PRESTASI

Oleh: Ustaz Najion Jamil

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنِ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!

Walaupun puasa Ramadan tahun ini yang menjana sifat takwa kian hampir berlalu pergi, ia bukanlah bererti usaha untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT harus bernoktah. Sebagai orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, menjadi kewajipan bagi kita bertekad dan bersungguh-sungguh pada setiap masa mencapai darjat takwa yang sebenar di sisi Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan serta larangan-Nya dengan penuh khusyuk dan tawaduk. Inilah jalan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk memperolehi kebahagiaan hidup hatta mati dalam keadaan Islam. Firman Allah:-

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan Dalam keadaan Islam." (S. Ali-Imraan: ayat 102)

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!

Berada pada detik terakhir bulan Ramadan ini, sememangnya perasaan berbaur dengan kesyahduan, kehilangan dan kesayuan. Ini kerana bulan yang penuh dengan keberkatan, kelebihan, keampunan dan juga keistimewaan ini meninggalkan pelbagai pertanyaan di manakah letaknya kedudukan nilai serta kualiti puasa yang kita kerjakan, adakah puasa selama sebulan itu diterima Allah atau sebaliknya? Atau adakah puasa yang dikerjakan itu telah menginsafkan kita terhadap kewajipan seorang hamba kepada Khaliknya? Atau adakah puasa yang dikerjakan itu berhasil menganjatkan diri kita ke makam takwa yang sebenar-benarnya di sisi Allah SWT?

Barangkali, tidak ramai antara kita yang bermuhasabah menilai kualiti, pengajaran serta kesan ibadah puasa yang dilaksanakan lantaran kesibukan mengadakan pelbagai persiapan menyambut hari raya Aidilfitri pada 1 Syawal.

Akan tetapi, orang mukmin sebenar sentiasa mencari kelemahan dan menangi kerugian yang dialami. Bagi mukmin, makna kejayaan dan peningkatan pencapaian sebenar setiap ibadah bukan terletak pada hari, bulan atau jangka waktu yang tertentu, tetapi terletak pada nilai serta prestasi ibadah setiap hari dalam kehidupan mengikut kaca mata agama.

Amalan muhasabah akan mencetuskan kesedaran dan keinsafan untuk memperbetulkan kesilapan lalu hatta memperbaiki lagi kualiti serta prestasinya. Dan, saat bermuhasabah tentang kualiti dan pencapaian ibadah puasa yang dikerjakan tidak hanya pada penghujung Ramadan, tetapi ia perlu dihisab dan dinilai berulang kali pada setiap hari sebagai motivasi diri untuk memperbaiki lagi pencapaian serta kualiti amal ibadah masing-masing. Ia penting kerana sesungguhnya setiap amal yang kita lakukan serta laksanakan seharusnya bertambah baik dan meningkat mutunya dari hari ke hari. Amal perbuatan hari ini seharusnya lebih baik dari kelmarin, amal perbuatan hari esok seharusnya lebih baik daripada hari ini. Sesiapa yang amal perbuatannya tiada peningkatan atau merundum, dia tergolong sebagai orang yang terpedaya dan rugi.

Oleh hal yang demikian, jangan sesekali cepat merasa puas hati dengan kualiti serta kuantiti ibadah kita pada Ramadan kali ini. Sepanjang kehidupan kita di bulan suci ini, banyak kemungkinan berlaku seperti berubahnya hati dan turun naiknya iman, pasang surutnya amalan dan bertambah atau berkurangnya dosa dan pahala. Dan sepertimana lazimnya, ramai yang ditakluki dan dikuasai oleh hawa nafsu dan sedikit saja yang selamat. Justeru, tanyalah pada diri sendiri, di mana letaknya kedudukan kita, sama ada termasuklah kita ke dalam golongan yang berjaya mengharungi segala onak dan Ranjau Ramadan itu?

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!

Kita harus bersedia mengakui segala kelemahan dan kekurangan yang ada pada diri kita sekali gus bersedia memperbaikinya di samping menaruh harapan agar segala amal ibadat yang dikerjakan beroleh keredaan dan diterima Allah SWT. Hakikatnya, neraca penilaian pencapaian serta kualiti amal ibadah kita berada di bawah pengawasan dan pengetahuan Allah SWT. Hanya Allah yang berhak menentukan sama ada amal ibadat yang kita lakukan itu berkualiti serta berhasil mencapai darjat takwa atau sebaliknya bertepatan dengan firman-Nya:-

الَّذِينَ تَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ ۗ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ ۗ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجِنَّةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ ۗ فَلَا تُزَكُّوْا أَنْفُسَكُمْ ۗ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ اتَّقَى ۗ ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud: *“(Iaitu) orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan Yang keji, kecuali salah silap Yang kecil-kecil (yang mereka terlanjur melakukannya, maka itu dimaafkan). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunan-Nya. Dia lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak Dia mencipta kamu (berasal) dari tanah, dan semasa kamu berupa anak yang sedang melalui berbagai peringkat kejadian dalam perut ibu kamu; maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dia lah sahaja yang lebih mengetahui akan orang yang bertaqwa.”* (S. An-Najm: ayat 32).

Sehubungan dengan firman Allah SWT tersebut, maka berbahagialah mereka yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharap keredaan serta balasan Allah SWT semata-mata. Rasulullah SAW telah menegaskan bahawa mereka yang sedemikian akan diampunkan segala dosanya yang telah lalu sebagaimana sabdanya yang bermaksud: *“Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, Allah akan mengampunkan dosanya yang telah lalu.”* (HR Al-Bukhari).

Justeru, puasa adalah ibadah yang menuntut kesungguhan dan komitmen orang yang beriman agar segala syarat dan peraturannya dipatuhi serta dipenuhi kerana matlamat yang dituju ialah untuk memperoleh puasa yang bermutu, dan bernilai atau mabrur supaya berhasil mencapai tahap khusus-ul-khusus. Menurut Imam al-Ghazali, puasa tingkatan khusus-ul-khususlah yang dapat memantapkan lagi sifat ketakwaan kepada Allah SWT serta menyuburkan lagi perasaan kasih sayang kepada insan-insan lain.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!

Sesungguhnya madrasah Ramadan adalah saat dan ketikanya kita menyemai serta menyuburkan lagi kesedaran yang sedalam-dalamnya akan kewujudan serta kehadiran Allah SWT dalam kehidupan kita. Kesedaran inilah yang menjadi akar tunjang sifat ketakwaan yang mendorong serta menggerak seseorang ke arah tingkah laku yang baik dan terpuji di samping melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala perkara yang ditegah-Nya dengan penuh rasa kehambaan dan ikhlas. Maka, takwa adalah nilai Ilahiyyah yang mengatasi pangkat dan darjat sosial di dunia.

Dengan kata lain, mereka yang berjaya adalah mereka yang benar dan sah takwanya di sisi Allah SWT sebagaimana yang ditegaskan-Nya di dalam al-Quran bahawa semulia-mulia dikalangan manusia itu ialah mereka yang paling bertakwa. Kenyataan ini adalah isyarat jelas bahawa sifat takwa seharusnya mendasari setiap gerak kerja kita sama ada yang berkaitan dengan hubungan kita dengan Allah mahupun yang berkaitan dengan hubungan kita sesama manusia. Tidak akan ada kemuliaan bagi mereka yang tidak mempunyai sifat takwa kepada Allah SWT meskipun barangkali mereka begitu disanjung oleh penduduk dunia dan memiliki sejumlah gelaran duniawi yang tidak punya nilai serta jaminan di akhirat. Ini kerana pangkat kebesaran, gelaran, kekayaan dan sebagainya yang diraih di dunia hanyalah sebahagian daripada kenikmatan sementara yang mempesonakan.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!

Dengan sempurnanya amalan puasa, maka seharusnya akan tersemat kukuh beberapa nilai atau sifat takwa di dalam hati dan sanubari setiap Muslim. Antara sifat yang dimaksudkan itu termasuklah sabar, benar, taat akan perintah Allah, suka menafkahkan harta dan sentiasa beristighfar sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya:-

الصَّابِرِينَ وَالصَّادِقِينَ وَالْقَانِتِينَ وَالْمُنْفِقِينَ وَالْمُسْتَغْفِرِينَ بِالْأَسْحَارِ ﴿١٧﴾

Yang bermaksud: “Orang yang sabar (dalam menjunjung perintah Allah), dan orang yang benar (perkataan dan hatinya), dan orang yang sentiasa taat (akan perintah Allah), dan orang yang membelanjakan hartanya (pada jalan Allah), dan orang yang beristighfar (memohon ampun) pada waktu sahur.” (S. Ali-Imraan: 17).

Melalui ayat ini, Allah menyenaraikan sekurang-kurangnya lima sifat yang perlu dimiliki oleh orang yang mengaku beriman dan bertaqwa kepada Allah, iaitu sabar, benar, taat akan perintah-Nya, membelanjakan harta pada jalan Allah dan beristighfar. Yakni sabar dalam menjunjung perintah Allah serta sabar dalam menghadapi segala ujian dan dugaan-Nya; benar dalam setiap perkataan dan tindak-tanduk; mentaati segala suruhan dan larangan Allah SWT; membelanjakan harta yang dikurniakan Allah pada perkara-perkara yang diredai-Nya dan memohon ampun pada setiap waktu. Sifat-sifat ini merupakan satu ikatan yang saling mengukuhkan antara satu sama lain.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!

Selain menghisab serta menilai kualiti puasa kita di penghujung Ramadan ini, umat Islam juga dituntut supaya tidak mengabaikan kewajipan menunaikan zakat fitrah. Kadar zakat fitrah bagi negeri Sabah tahun ini ialah sebanyak 7 Ringgit seorang. Ia merupakan pelengkap kepada ibadah puasa yang hikmahnya adalah untuk mensyukuri rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT di samping menzahirkan kesyukuran terhadap kejayaan melaksanakan puasa serta melahirkan keprihatinan membantu golongan yang kurang bernasib baik seperti orang miskin, fakir, musafir dan sebagainya.

Di samping itu, umat Islam juga diharap supaya dapat mengimarahkan malam raya Aidilfitri dengan takbir dan qiamullail sebagaimana dianjurkan oleh Rasulullah SAW. Daripada Abu Umamah r.a Rasulullah SAW bersabda: "*Barang siapa yang melaksanakan qiamullail pada dua malam Eid (Aidil Fitri dan Aidil Adha), dengan penuh keikhlasan kerana Allah SWT, hatinya tidak akan mati pada hari matinya hati-hati manusia.*" (HR Ibn Majah).

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Anjuran supaya bermuhasabah, menilai dan memastikan segala perintah Allah dipatuhi perlu sentiasa dilakukan kerana tiada sesiapa pun yang mengetahui sama ada Ramadan kali ini merupakan yang terakhir kali buat dirinya. Yang pasti, yang hanya mampu dilakukan oleh seseorang hamba itu ialah berusaha melaksanakan segala kewajipan sebaik mungkin dan terus-menerus berdoa memohon belas kasihan Ilahi semoga dipertemukan lagi dengan Ramadan akan datang supaya berkesempatan memperbaiki lagi kualiti dan kuantiti amal-amal soleh untuk melayakkan diri menjadi insan yang paling mulia di sisi Allah yang beroleh ganjaran syurga. Sesungguhnya Allah SWT akan memberi balasan yang lebih baik kepada mereka yang mengerjakan amal-amal soleh sebagaimana firman-Nya:-

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٧٧﴾

Yang bermaksud: "(Kekufuran mereka) Yang demikian, ialah kerana mereka lebih mengutamakan kehidupan dunia daripada hari akhirat, dan kerana Allah tidak memberi hidayah petunjuk yang menyampaikan kaum yang kufur ingkar (kepada kebahagiaan di Akhirat)." (S. An-Nahl: ayat 97).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ , وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ , وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ , أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَ لِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فِيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ .



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah